



## Fenomena Antara Idiom dan Kolokasi: Satu Analisis Terjemahan Struktur dan Makna

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad\*, Zaitul Azma Zainon Hamzah\*\*, Muhammad  
Zaidi Zakaria\*\*\* & Mohd Sollah Mohamed\*

luqman345@kelantan.uitm.edu.my, zazh@upm.edu.my, zaidizakaria@pahang.uitm.edu.my,  
mohdsollah@kelantan.uitm.edu.my

\*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Kelantan

\*\*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

\*\*\*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Pahang

### Abstrak

Garisannya di antara idiom dan kolokasi selalunya tidak jelas dan menyebabkan sebilangan linguist mengemukakan justifikasi tersendiri untuk membezakan klasifikasinya secara linguistik. Kajian kualitatif ini bertujuan membincangkan persamaan dan perbezaan antara struktur dan makna idiom - kolokasi berdasarkan Ghazala (2004). Dua buah kamus bahasa Arab iaitu: معجم التعبير المعاصرة (Kamus Idiom Bahasa Arab Terkini) dan معجم الحافظ للمتصاحبات العربية (Kamus Kolokasi Arab Hafiz) digunakan sebagai panduan dan rujukan. Perbincangan kajian merungkai bahawa idiom merupakan ungkapan yang tidak boleh difahami maksudnya secara literal disebabkan pembentukannya mendokong makna khusus, manakala kolokasi merupakan item leksikal yang lazim antara perkataan. Kajian ini merumuskan bahawa (idiom dan kolokasi) menurut pandangan Ghazala terbahagi kepada dua isu utama iaitu makna dan struktur. Berdasarkan analisis, persamaan utama di antara keduanya adalah pembentukan pola struktur iaitu KN+KN (*adjektif*), KN+KN (*frasa idhafah*), KK+KS+KN (*المركب الفعلي وشبه الجملة*), KK+KN (*frasa kerja*), KN+KS+KN (*المركب الاسمي*), dan KS+KN+KN (*المركب العياري*). Manakala perbezaannya ialah had jangkauan pembentukan semantik (Lihat 7.0 dan 7.1). Justeru, perbincangan yang dijalankan membolehkan penterjemah dan pelajar bahasa memahami dengan lebih mendalam mengenai teori dan aplikasi idiom-kolokasi bahasa Arab-Melayu. Pengklasifikasian struktur dan makna idiom-kolokasi di dalam kajian ini diharap berupaya menjadikannya asas kepada para pelajar untuk lebih mendekati bahasa dan budaya Arab secara umum, dan melibatkan diri dalam aspek terjemahan Arab-Melayu secara khusus.

Kata kunci: fenomena, idiomatik, kolokasi, terjemahan, struktur, makna

### Abstract

The lines between idioms and collocations are often vague and led some linguists to propose their own justifications linguistically. This qualitative study aims to discuss the similarities and differences between the structure and meaning of the idiom-collocation by Ghazala (2004). Two Arabic dictionaries, namely: معجم التعبير المعاصرة (Dictionary of Idiomatic Expression in Contemporary Arabic) and معجم الحافظ للمتصاحبات العربية (Dictionary of Arabic collocation by Hafiz) are used as a guide and reference. The discussion highlighted that idiom is an expression that cannot be understood literally due to its morphological structure that support special meaning, while collocation is a common lexical item between words. This study concluded that the (idiom and collocation) in the view of Ghazala are divided into two main issues; the meaning and the structure. Based on the analysis, the main similarities between the two is the formation of structural patterns N+N (adjectives), N+N (phrase al idhafat), V+Pre+N (المركب الفعلي وشبه الجملة), V+N (verb phrase), N+Pre+N (المركب الاسمي), and Pre+N+N (المركب العياري). While the difference is the range of semantic formation (See 7.0 and 7.1). Hence, the ongoing discussion allows translators and language students to understand the theory and application of idiom-collocation in Arabic-Malay language. The classification of structure and meaning of idioms-collocations in this study would seek to make it as a foundation for students to gain better understanding of Arab culture and language in general, and engage in the Arab-Malay translation in particular.

Keywords: *phenomena, idiomatic, collocation, translation, structure, meaning*

## 1. Pengenalan

Fenomena idiomatik Arab telah lama dibincang dan dibahas oleh sarjana Arab seperti Al-Jahiz (M: 255 H) dalam bukunya *البيان والتبيين*, Al-Jurjani (M: 471 H) melalui kitabnya *أسرار البلاغة* dan *دلائل الإعجاز*, manakala Al-zamakhshari (M: 538 H) dengan kitabnya *أساس البلاغة* dan *الكشاف*. Menurut Shakkor (1992: 64) ilmu retorik *علم البيان* didefinisi oleh linguist Arab sebagai “*disiplin ilmu yang menyatakan cara mengungkap bahasa melalui susunan kalimat dengan pelbagai cara, di mana sebahagian lain menjelaskan kesan dan maknanya*” (terjemahan). Dengan demikian, ahli balaghah telah bersepakat bahawa *علم البيان*, mencakupi tiga aspek, iaitu: *التشبيه* (*simile*) *(المجاز)* *figuratif* dan *(الكناية)* *metonomi*. Bangsa Arab menggunakan ekspresi idiomatik/ simpulan bahasa untuk sebab yang tertentu. Menurut Abu Sa’ad (1987: 7) ekspresi idiomatik digunakan untuk dua kategori, pertama bertujuan untuk mengindahkan unsur bahasa melalui penerapan fenomena pemakaian bahasa dan yang kedua untuk menyatakan kesan semulajadi yang ditunjukkan melalui imej metafora dalam idiom.

Idiom Arab terdiri daripada struktur dan ciri semantik tertentu, antaranya: (1), idiom dengan struktur pola, contohnya: *هو أن* yang memberi maksud ‘*dia memberitahu apa yang dia dengar tanpa berfikir*’. (2), idiom dengan fenomena linguistik tertentu seperti (sinonim, homonim dan antonim). (3), idiom dengan pola peribahasa *proverbs*. (4), idiom terhasil daripada persekitaran Arab atau dikenali idiom penuh *full of idiomatic expressions* yang hanya difahami oleh bangsa Arab tertentu (Abu Sa’ad 1987).

Struktur idiom di dalam bahasa Melayu pula membentuk pelbagai unsur budaya tersendiri, antaranya peribahasa yang merupakan budaya Melayu paling popular yang terdapat dalam bahasa dan kesusasteraan tradisi masyarakat Melayu (Arba’ayah 2006: 2). Pendeta Za’ba (1965: 165) mendefinisikan peribahasa sebagai segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama, oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, ia diguna terima oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran. Sesetengah peribahasa Arab boleh dipadankan dengan peribahasa Melayu melalui pendekatan semantik dan komunikatif, contohnya: *أفة الإنسان في اللسان* ‘*kebinasaan manusia terletak pada lidahnya*’ boleh dipadankan dengan ‘*kerana mulut badan binasa*’, begitu juga peribahasa Arab *رب كلمة سلبت نعمة* ‘*kerap kali perkataan/percakapan menjadi punca kebinasaan nikmat*’ dipadankan dengan ‘*terlajak kata buruk padahnya*’ (Arnida, Sulhah, Zainur Rijal 2012: 7-8). Aspek memadankan peribahasa Arab dengan peribahasa Melayu boleh menyalurkan pemahaman yang mudah ditelusuri pada kognitif pembaca tanpa melibatkan penterjemahan.

Sebenarnya, bahasa Arab sememangnya kaya dengan kosa kata, istilah dan mempunyai tatabahasa yang tersendiri (Muhammad Luqman, Pabiyah & Zaitul Azma, 2014). Malahan bahasa Arab mempunyai ciri tatabahasa yang amat berbeza dengan bahasa Melayu, (Zainur Rijal & Mahmoud Mohamad Ali, 2014). Hal ini termasuklah idiom dan kolokasi yang akan dibincangkan dalam tulisan ini.

Kolokasi bahasa Arab berkait rapat dengan ungkapan, ianya boleh membentuk struktur peribahasa, idiom, ungkapan kontekstual, ataupun ungkapan tetap, (Saifullah, 2010: 12). Sehubungan dengan itu, Baker (1992: 46) percaya bahawa cabaran utama apabila menterjemah kolokasi, idiom dan ungkapan tetap adalah mendapatkan kesepadanan bagi sesuatu perkataan kerana penterjemahan berhubung rapat dengan aspek semantik sesuatu perkataan itu (Muhammad Luqman, Pabiyah & Zaitul Azma, 2014). Hal ini selari dengan pandangan Ghazala (2008: 107) yang menyatakan bahawa masalah utama penterjemahan kolokasi ialah mendapatkan erti kata yang sepadan dalam konteks ayat. Tambahan pula bahasa Arab adalah salah satu bahasa yang kaya dengan struktur kolokasi.

Kolokasi adalah kombinasi antara dua atau lebih komponen perkataan di dalam bahasa. Secara umumnya diklasifikasi kepada kolokasi tatabahasa *grammatical collocation* dan kolokasi leksikal *lexical collocation*. Kolokasi bertatabahasa mempunyai ciri berbentuk iringan preposisi, di mana preposisi digunakan bersama kata nama, kata kerja atau adjektif. Manakala kolokasi berleksikal adalah kombinasi asli *natural combination* antara perkataan (Al Sughair 2007: 6). Walau bagaimanapun, tidak ramai penyelidik membincangkan kombinasi kata dalam bahasa Arab secara umum, mahupun kolokasi secara khusus. Sebahagian daripada penulisan berkaitan kolokasi Arab yang dijalankan penyelidikan linguistik antaranya Emery (1988,1991), Husamaddin (1985), Ghazala (1993), Hoogland (1993), Hafiz (2002) dan Brashi (2005). Ghazala (2011:65) mendefinisikanya sebagai:

"Collocations are words which are usually found next to other words, or are 'co-located' with one another. Words keep company with one another in certain grammatical and lexical combinations. These combinations are described as collocation"

Perkataan kolokasi pada asasnya memberi maksud sesuatu hubungan kata antara leksikal yang bergabung dengan satu leksikal lain dan membentuk unit semantik (Bader S., Mariam M. 5: 2011). Adapun Husamaddin (1985: 257) mengistilahkan kolokasi sebagai *musahabah lughawiyyah* kerana wujudnya iringan perkataan bersama perkataan lain di dalam sesuatu bahasa. Menurut Al Sughair (2007: 1) kolokasi secara umumnya satu fenomena linguistik dalam sesuatu bahasa dan terjemahan khususnya, ianya digunakan dalam ucapan secara spontan sebagai kolokasi yang tidak bertanda (*unmarked collocation*), manakala yang bertanda (*marked*) mempunyai elemen kreatif, yang digunakan dengan banyak dalam teks sastera. Salah satu sumber utama kolokasi bahasa Arab adalah al-Quran. Ianya juga wujud dalam struktur kolokasi pinjaman seperti الحرب الباردة (*the Cold War*) (Emery, 1991). Contoh berikutnya لعب دورا (*to play a role*), غطى الأخبار (*to cover the news*), حركة سياسية (*political movement*), قتل الوقت (*to kill time*), دم بارد (*cold-blooded*), هجمة معاكسة (*a counter-attack*), حقل كهربائي (*electric field*) dan وجهة نظر (*point of view*) (Blau 1981). Kolokasi pinjaman telah menjadi kebiasaan penggunaan di dalam bahasa Arab. Secara kesimpulannya, kehadiran kolokasi memainkan peranan yang penting dalam kohesi dan koheren sesuatu teks (Hatim & Mason, 1997; Al-Zahrani, 1998).

Pengklasifikasian aspek kolokasi dan idiom menjadi perbincangan dalam kalangan para linguist, hal ini selari dengan Al Sughair (2007: 8) yang menyatakan bahawa garisan di antara idiom dan kolokasi selalunya kabur. Menurut Balsam (2010: 32), disebabkan kolokasi secara linguistiknya tidak mudah ditakrifkan, maka muncullah kontroversi mengenai definisi, di samping perkara yang melibatkan perbezaan di antara kolokasi dan idiom, dan juga struktur perkataan. Terdapat beberapa ahli bahasa yang menganggap idiom sebagai sebahagian daripada kolokasi, sementara ahli bahasa yang lain meletakkan garisan perbezaan antara kedua-duanya. Idiom bukanlah struktur yang boleh difahami dengan hanya mentafsirkan perkataan sahaja, malah ianya sangat kompleks kerana didasari oleh unsur sintaksis dan semantik (Al-Naser 2010: 31). Hal ini agak berbeza dengan kolokasi kerana ia terdiri daripada aspek semantik yang terbatas dan memerlukan pemerhatian yang khusus (Brashi 2005: 57). Dari sudut kesukaran terjemahan, Baker (1992: 65) menyatakan bahawa masalah utama berkaitan idiom dalam terjemahan ialah keupayaan untuk mengenal pasti dan mentafsir idiom dengan cara yang betul dan memberi makna yang difahami dalam bahasa sasaran, sejajar dengan pendapat Awwad (1990: 58), iaitu idiom bukan sahaja bermasalah kerana strukturnya yang tidak boleh ditelusuri daripada makna literal, tetapi juga input budaya yang menjadi salah satu sebab para pelajar dan penterjemah tampil dengan terjemahan yang janggal. Begitu juga terjemahan kolokasi di mana ianya tidak memadai dengan menterjemah struktur kolokasi semata-mata, tetapi terdapat aspek semantik tertentu yang perlu diberi perhatian (Al Sughair 2007: 10).

Sejajar dengan itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji persamaan dan perbezaan antara idiom dan kolokasi menurut pandangan Ghazala (2004), mengenal pasti jangkauan semantik antara idiom dan kolokasi Arab-Melayu dan merumuskan fenomena idiom-kolokasi melalui analisis struktur dan makna.

## 2. Kajian Lepas

Sīnī (1996) menyatakan bahawa struktur idiom dalam bahasa Arab mempunyai tiga klasifikasi (idiom verbal, idiom nominal dan idiom preposisi), adapun idiom verbal ialah kombinasi ayat yang bermula dengan kata kerja contohnya: خطف اللص حقيبتها وأطلق ساقيه للريح yang bermaksud (pencuri mencuri dompetnya dan melarikan diri/ run away). Manakala Abdou (2009: 55) menyatakan bahawa idiom Arab mempunyai lima klasifikasi sintaksis yang berbeza, tiga daripadanya adalah sama dengan Sīnī (1996). Walau bagaimanapun, Abdou (2009: 63) menambah dua lagi, iaitu idiom adjektif dan idiom kata sifat adverba.

Di dalam kamus *معجم السياقي للتعبيرات الإصطلاحية* (1996), telah dikumpul sejumlah himpunan idiom Arab. Sekitar 2000 ekspresi idiom Arab yang dikumpul dari pelbagai sumber seperti kamus bahasa Arab, bahasa Arab klasik dan moden, kajian linguistik, seni dan sejarah sastera serta peribahasa. Sebahagian besar idiom Arab yang disenaraikan mengandungi binaan kata kerja yang diikuti dengan preposisi, contohnya:

<i>Ia adalah terlalu lama</i>	أكل الدهر عليه وشرب	<i>Tersentuh</i>	حز في قلبه
<i>Semakin tua</i>	تقدمت به السن	<i>Berada jauh dari orang</i>	يعيش في الظل
<i>Mereka tersesat</i>	تقطعت بهم الأسباب	<i>Gagal menghadapi masalah</i>	غرق في شبر ماء

Berusia, yang akan meningkat umur	ظعن في السن	Menjadi keliru	أسقط في يده
-----------------------------------	-------------	----------------	-------------

Idiom Arab boleh diperolehi daripada sumber-sumber tertentu. Menurut Shvitiel (2007: 629) idiom Arab yang asal boleh didapati melalui (1) **Al-Quran**, contohnya: *على قاب قوسين* sangat dekat, (2) **Hadis**, contohnya: *المغنيمة الباردة* mangsa yang mudah, (3) **Puisi**, contohnya: *ولا ناقة له ولا جمل* dia tiada apa kaitan dengannya, (4) **Peribahasa/slang Arab**, contohnya: *جاء بقرني الحمار* pulang dengan tangan kosong, (5) **Cerita rakyat**, contohnya: *وتد جحا* foothold/ tambatan *Joha*, (6) **Peristiwa bersejarah**, contohnya: *بعد خراب البصرة* selepas putus harapan, (7) **Istilah teknikal**, contohnya: *هنا مربط الفرس* fesyen lama, (8) **Frasa/ kata pinjaman**, contohnya: *در العماد في العيون* membuang debu dalam mata seseorang.

Sīnī (1996) telah memperlihatkan idiom Arab sebagai unit semantik kohesif yang membenarkan perubahan kecil yang berlaku pada kala *tense*, masa lalu *the past*, sekarang *present* atau kata suruhan *imperative*. Hal ini membuktikan idiom boleh muncul dalam bentuk kata kerja masa lalu (*الماضي*) contohnya: *أعطاه الضوء الأخضر* maksudnya 'ia telah memberinya kebenaran', *يعطيه الضوء الأخضر* 'sedang (akan) memberinya kebenaran' dan *أعطه* bermaksud 'berilah ia kebenaran'. Selain itu, terdapat idiom Arab yang berdasarkan kehadiran pola kata ganti diri seperti: *أطلق له العنان* 'membiarkannya berbuat sesuka hati', yang boleh berubah bentuk maknanya bergantung pada kata ganti diri penggunanya, seperti *أطلقت له العنان* 'saya membiarkannya berbuat sesuka hati'. Begitu juga dengan pola idiom Arab yang berkaitan sudut bilangan seperti: *نظر في الأمر* yang bermaksud 'ia mempelajari perkara' boleh berubah mengikut subjek kata kerjanya, sebagai contoh: *نظروا في الأمر* 'mereka berdua mempelajari perkara itu', dan *نظروا في الأمر* 'mereka mempelajari perkara itu'.

Menurut Muna Ahmad & Tengku Sepora (2012: 140) idiom merupakan kepelbagaian, dramatik, langsung, lebih dekat dengan cara masyarakat merasa dan hampir dengan budaya tempatan. Malah terdapat peribahasa tetap dan istilah khas dari segi struktur atau makna. Struktur khas adalah ungkapan dialog, ungkapan naratif dan persoalan retorik, manakala ungkapan perbualan merupakan perkara yang sangat biasa dalam bahasa Arab, ini biasanya memerlukan tindak balas kepada soalan (memerlukan dua peserta), contohnya: *أحمد! لك ولا للذئب؟* 'untuk kamu atau untuk serigala, Ahmad?' [ *يخسأ الذئب* – 'celakalah serigala' ] [ *أحتاج مائة ألف دينار* – 'saya perlu ratus ribu dinar', ungkapan tersebut digunakan apabila seseorang rakan meminta pertolongan, sesuatu yang anda perlukan, sekiranya rakan itu memberi respons secara positif, maka sepatutnya dia menjawab: " *يخسأ الذئب* ", yang menunjukkan mereka sanggup membantu (*Ibid*).

Dari segi makna figuratif idiom Arab, Abu Zālāl (2007: 113) membahagikan gambaran figuratif idiom bahasa Arab kepada tiga jenis: berdasarkan metafora *metaphor-based*, perumpamaan *simile-based* dan metonimi *metonymy-based*. Berhubung dengan metonimi, Abu Zālāl menunjukkan ianya digunakan untuk menyatakan atau menghubungkan dua entiti secara kiasan, seperti: *أتى عليهم الدهر* yang bermaksud 'mereka lenyap / meninggal dunia', atau *بين وبين أحمد نذب الضب* yang bermaksud 'di antara saya dan Ahmad ialah ekor dhoob'; namun, maksud idiom ini berasaskan metonimi ialah 'terdapat permusuhan antara saya dan Ahmad'. Selanjutnya, contoh yang dikemukakan oleh Abu Zālāl ialah *أكله اللحم* yang bermaksud 'pemakan daging'; namun maksudnya ialah *السكين* iaitu 'pisau'. Dalam hal idiom berdasarkan perumpamaan, Abu Zālāl (2007: 148) memberikan beberapa contoh: *هو ثعلب* yang bermaksud 'dia adalah seekor musang', Oleh itu, perbandingan di antara 'orang' dan 'musang' adalah dari segi kelicikan seperti musang. Contoh berikutnya: *كأنه شيطان* yang bermaksud 'dia seperti syaitan'. Dengan itu, maksud idiom ini ialah 'dia sejihat syaitan'. Perbezaan antara contoh ini dengan yang sebelumnya ialah kedua-duanya menunjukkan unsur persamaan, iaitu kata *كأنه* yang membawa maksud 'umpama'. Akhir sekali jenis ketiga iaitu gambaran figuratif dalam idiom Arab berasaskan metafora. Abu Zālāl (2007: 161) memberikan contoh, seperti: *ركبة الشيطان* yang bermaksud 'dia telah dikuasai oleh syaitan', bagaimanapun maksudnya ialah 'dia menjadi degil dan tidak mempedulikan tentang akibatnya'. Contoh berikutnya ialah: *عبيد العصا* yang bermaksud 'hamba kayu', namun, makna figuratif yang dimaksudkan ialah 'dimalukan dan dihina'. Serentak dengan itu, kajian Abu Zālāl ini memperlihatkan kepentingan kerana ianya memberi tumpuan terhadap makna figuratif bagi idiom bahasa Arab dan membezakan antara jenis idiomatik. Kajiannya merupakan salah satu daripada beberapa kajian yang memberi penerangan tentang teori dan aplikasi makna idiomatik Arab.

Selanjutnya, idiom Arab boleh dikategorikan kepada dua klasifikasi sumber iaitu tatabahasa dan kamus Arab moden idiomatik. Klasifikasi idiom Arab berdasarkan struktur tatabahasa pula terbahagi kepada lima pola iaitu, (1) *المركب الإضافي* yang terdiri daripada *mudhaf dan mudhaf ilaih*, contohnya: [ *عاصفة الصحراء* dan *نبيذ الشارع* ] *جدائق الشيطان*, (2) *المركب الوصفي* yang terdiri daripada *mausuf dan sifah*, contohnya: [ *القبيضة الحديدية* dan *التغطية الصحفية* ] *المطبخ السياسي*, (3) *المركب الفعلي* yang terdiri daripada *fe'il dan fa'il*, contohnya: [ *يرفع الراية البيضاء* dan *يرفع الموجة* ] *يعطي الضوء الأخضر*, (4)

المركب الاسمي yang terdiri daripada *mubtada'* dan *khabar*, contohnya: [العب على المكشوف، اللعب في الوقت الضائع dan عمال على بعد خراب مألوفة، على كف عفريت] dan (5) المركب العياري yang terdiri daripada *shibh jumlah* contohnya: [على بطل الهواء]. Manakala sumber idiom Arab dari perkamusan seperti المعجم الوسيط (1985), المعجم العربي الأساسي (1988), المحيط: معجم اللغة العربية (1994) dan معجم التراكيب والعبارات الاصطلاحية (1987). Bagaimanapun Ghazala (2003: 208) mengklasifikasikan idiom kepada lima jenis iaitu (1), idiom penuh/asli, (2), idiom separa/semi, (3), Peribahasa, pepatah popular dan ungkapan separuh pepatah, (4), frasa kata kerja, dan (5), metafora dan ungkapan popular.

Terdapat perbezaan pendapat yang ketara mengenai penjelasan definisi kolokasi dalam kalangan ahli bahasa, iaitu isu yang membuatkan ianya dikategorikan sebagai idiom (Brashi 2005: 19). Smith (1947) menganggap kolokasi sebagai ekspresi idiomatik, di mana dua perkataan lazimnya digabungkan bersama untuk sesuatu tujuan, contohnya *far and away* 'sangat jauh' (konteks penegasan) digunakan untuk penekanan *emphasis*. Walau bagaimanapun, terdapat ahli bahasa lain yang memberi batasan yang jelas antara kolokasi dan idiom, antaranya Mitchell, 1971; Shakir & Farghal, 1992; Bahns, 1993; Fontenelle, 1994). Adapun Bolinger (1976) membezakan kriteria kolokasi dan idiom berdasarkan maksud keseluruhan ungkapan seperti *spill the beans* (mendedahkan semuanya) yang mana unsur makna tidak boleh diperolehi daripada struktur perkataan. Sementara itu, makna kolokasi *indelible ink* (dakwat tidak boleh dipadam) boleh diperolehi daripada komponen perkataannya.

Robins (1992: 82) berpendapat bahawa idiom adalah struktur khusus. Istilah idiom digunakan merujuk kepada bentuk yang dipakai kerana kebiasaan yang mengandungi lebih dari satu kata dan cenderung dipakai bersama dengan mendokong fungsi semantik melalui komponen kata atau ungkapan yang diguna antara satu sama lain. Noresah Baharom (2005: 1771) memberikan pengertian ungkapan, antaranya frasa atau susunan rangkai kata yang tertentu dan gabungan kata yang khusus untuk menyatakan sesuatu maksud. Demikianlah, makna sesuatu ungkapan dalam bentuk struktur atau kombinasi perkataan boleh membentuk frasa idiom. contohnya idiom *بجرة قلم* "dengan hujung pena sahaja" ditakrifkan oleh Fāyid (2007: 82) dengan *بسرعة وبساطة بدون جهد وعناء* 'dengan cepat dan senang tanpa bersusah payah'.

Menurut Brashi (2005: 21) Smith, Wallace, Sinclair dan Pederson merupakan ahli linguistik yang mengkategorikan kolokasi sebagai idiom dan memberi hujah bahawa tidak wujud perbezaan yang jelas antara kolokasi dan idiom. Walau bagaimanapun, terdapat ahli linguistik yang lain yang membuat perbezaan yang jelas antara kolokasi dan idiom contohnya, Mitchell, Bolinger, Shakir & Farghal, Bahns, Fontenelle (*Ibid*). Fontenelle (1991) disebut dalam Brashi (2005: 22) berpendapat bahawa kolokasi bukanlah idiom mahupun kombinasi bebas. Beliau memberi contoh-contoh *bad\ addled\ rotten + egg, dan rancid + butter* dan berhujah bahawa semua kata sifat ini boleh digabungkan dengan kata nama yang melambangkan barangan makanan tetapi tidak boleh ditukar kombinasi. Hasilnya, 'rancid egg', 'sour butter' atau 'addled milk' tidak boleh diterima dalam bahasa Inggeris.

Fontenelle (1991) juga memberi contoh mengenai ungkapan idiomatik: *to lick somebody's boot* dan menjelaskan bahawa idiom mengutarakan entiti semantik tunggal, dan seseorang tidak boleh mendapatkan maksud daripada makna perkataan literal. Oleh itu, tiada tindakan penjiwaan *lick* sebenar yang berlaku dalam contoh di atas (*Ibid*). Dengan demikian pengkaji berpendapat, perlu dibuat penelitian supaya kedua-dua kolokasi dan idiom mempunyai garisan pemisah yang jelas. Demikian juga di dalam bahasa Arab, misalnya pola KN + KK: *حي يريزكي* 'live and kicking' dan pola KN + KS + KN: *الكمال لله* 'god is perfect', Ghazala (1993) melalui penulisan Balsam (2010: 36) menyatakan ianya adalah pola gramatikal berupa idiom berbanding kolokasi.

Balsam (2010: 42) menyatakan bahawa terdapat ahli linguistik yang menganggap idiom sebahagian daripada kolokasi, manakala beberapa ahli linguistik yang lain tidak bersetuju dengan konsep dan pendapat berikut. Menurutnya, kolokasi berbeza daripada idiom dari sudut semantik di mana kolokasi merupakan kombinasi item leksikal yang maknanya boleh disimpulkan daripada pengertian kata. Manakala idiom, merupakan gabungan perkataan yang maknanya tidak dapat ditentukan daripada pengertian kata/ leksikal. Oleh itu, struktur frasa bahasa Arab *مدخن مفرط* *heavy smoker/ perokok tegar* adalah satu contoh bentuk kolokasi, sedangkan frasa Arab *حي يريزكي* *live and kicking* adalah contoh idiom.

Menurut Ghazala (2004), (2007: 12) kolokasi atau lebih dikenali sebagai *al mutalazimat al lafziyyat* merupakan "perkataan yang ditemui beriringan dengan perkataan lain, atau 'berada bersama' dengan satu sama lain. Iaitu perkataan yang mempunyai keterikatan dengan satu sama lain dalam gabungan gramatis dan leksikal tertentu. Kombinasi ini digambarkan sebagai kolokasi". Terdapat 17 jenis kolokasi yang dikemukakan, antaranya KK+KN (*maf'ul bih*), KN+KN (*mudhaf mudhaf ilaih*), KN+ADJ, KN+KS, KK+KS, KS+KK dan KS+KN. Kepelbagaian struktur tersebut memperlihatkan kolokasi berupaya memaparkan aspek makna yang meluas.

Berdasarkan keterangan yang dinyatakan, kolokasi dan idiom mempunyai fenomena tersendiri dari segi struktur dan makna. Menurut Saifullah (2010: 48) linguist Arab tidak begitu peduli dengan perbezaan antara jenis ungkapan-ungkapan tersebut, contoh-contoh yang mereka berikan boleh berlaku untuk membentuk kolokasi, peribahasa, idiom, ungkapan kontekstual, atau pun ungkapan tetap, dan semua ungkapan itu merupakan masalah serta kesukaran tersendiri yang tidak berbeza antara ungkapan yang satu dengan ungkapan yang lainnya. Fāyid (2006) melihat bahawa kolokasi merupakan sebahagian daripada ungkapan, sebagaimana ungkapan kontekstual dan idiom. Menurut Fāyid (2006), kolokasi merupakan kumpulan perkataan yang memiliki makna terhad, cenderung kepada kaitan antara satu perkataan dengan lainnya yang ditentukan oleh kebiasaan dan dengan peraturan-peraturan khusus. Secara umumnya, perbezaan antara kolokasi, idiom dan ungkapan tetap diperincikan oleh (Baker 1992: 63) dengan menyatakan kolokasi merupakan pola bahasa yang agak fleksibel di mana beberapa variasi boleh dibentuk, adapun makna daripada sebuah kata sering bergantung pada perkataan lain yang berkolokasi dengannya, manakala idiom dan ungkapan tetap memiliki “*flexibility of patterning and transparency of meaning*” (corak semantik yang fleksible dan telus).

Dalam bahasa Arab, kolokasi kata kerja + kata sendi nama (frasa kerja) merupakan sumber utama pembentukan struktur idiom (Mir, 1989: 5). Contohnya: *رَغِبَ فِي سُوَاةٍ إِلَى سُوَاةٍ مِمَّا هُوَ بِهَا بِرِيءٌ* *suka, إِلَى سُوَاةٍ مِمَّا هُوَ بِهَا بِرِيءٌ* *memohon, عَنْ سُوَاةٍ مِمَّا هُوَ بِهَا بِرِيءٌ* *benci, dan رَغِبَ بِ سُوَاةٍ مِمَّا هُوَ بِهَا بِرِيءٌ* *memilih*. Frasa kerja tersebut menunjukkan bagaimana unsur semantik terbentuk menjangkau makna perkataan atau kombinasi yang asal. Struktur idiomatik yang dibina dengan kehadiran preposisi Arab tersebut membolehkan konteks makna berfungsi secara meluas, tidak terhad, bahkan boleh membentuk makna antonim. Himpunan frasa ini telah dikumpul dan dijadikan glosari kata idiom Arab-Melayu oleh Muhammad Bukhari Lubis (2007) di dalam bukunya *Frasa idiomatik Arab dan ertinya* yang menjadi rujukan bermanfaat kepada ahli bahasa. Sarjana Arab memberi definisi yang pelbagai mengenai definisi frasa kerja antaranya Heleil (1994) *الأفعال العبارية*, Daud (2003) *تركيب فعلي* dan Najib (2001) memberi pengertian *الأفعال المنبذة*.

Ghazala (2004) menyatakan bahawa kolokasi *mutalazimat al-lafziyyah* merujuk kepada gabungan atau struktur tetap yang tidak berubah yang berada pada kelas pertama, manakala idiom tetap *al-ta'abir al-istilahiyah al-tsabitah* pada kelas yang kedua. Perbincangan mengenai pola dan struktur kolokasi Arab mengutarakan pelbagai fenomena penggunaan gaya bahasa dan derivasi makna termasuk idiomatik. Ghazala membahagikan kolokasi bahasa Arab kepada tiga bahagian iaitu (1), struktur nahu, (2), struktur leksikal dan (3), struktur gaya bahasa. Adapun *struktur nahu* terdiri daripada 20 jenis antaranya yang menunjukkan makna metafora melalui struktur kolokasi (kata kerja + kata nama), contohnya: *يشق طريقه* yang bermaksud ‘memaksa’, *يشد عوده* yang bererti ‘menjadi matang’, dan *ترتعد فرانسه* ‘menggigil kerana sangat ketakutan’. Jenis lain berupa pola kolokasi KK + KSN + KN yang membentuk struktur idiomatik contohnya: *يتوارى عن الأنظار* yang bermaksud ‘hilang dari pandangan’, dan *يأخذ بعين الإعتبار* ‘mengambil kira, mempertimbangkan’. Begitu juga kolokasi KSN + KN (objek KSN) + KN seperti: *من نبات الأفكار* yang bermaksud ‘gagasan seseorang’, dan *في طي الكتمان* ‘dirahsiakan’. Menurut Balsam (2010: 36) pola KN + KK contohnya: *حي يرزق* ‘live and kicking’ merupakan pola gramatikal yang berupa idiom berbanding kolokasi. Melihat pada *struktur leksikal*, Ghazala membahagi kepada 10 jenis antaranya struktur yang menunjukkan kolokasi metafora, contohnya: *طار صوابه* yang bermaksud ‘pertimbangannya yang waras telah hilang’, dan *أدلى بدلوه* ‘memberikan sumbangan (bersama-sama dengan yang lainnya)’, dan *دفة الحكم* yang bererti ‘kekuasaan’ (Saifullah 2010: 80). Terdapat juga kolokasi ironis, iaitu kolokasi yang bentuk zahirnya bermaksud pujian, namun yang dimaksudkan adalah ejekan, contohnya: *جهد الجهادية* ‘orang genius dari antara orang-orang genius’, *بطل الأبطال* yang bermaksud ‘wira di antara wira-wira’. Akhir sekali ialah *struktur gaya bahasa*, antaranya hiperbola, contohnya: *عجائب وغرائب* ‘keajaiban dan keanehan’, dan *مضى وانقضى* yang bermaksud ‘berlalu dan berlalu’. Berdasarkan kenyataan berikut, ketiga-tiga struktur yang dikemukakan oleh Ghazala (2004) berupaya membentuk konteks idiomatis dengan kehadiran kombinasi yang mendokong semantik-sintaksis yang khusus.

Struktur yang berbentuk idiom, sekiranya diterjemahkan di luar konteks akan menghasilkan suatu terjemahan yang sukar difahami, contohnya: *فعلكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين المهتدين عضوا عليها بالنواجذ* yang diterjemahkan menjadi ‘...Maka hendaknya kalian berpegang dengan sunnahku dan sunnah khulafa’ rasyidin yang mendapat petunjuk. Gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham kalian...’. Ungkapan gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham kalian, jelas merupakan terjemahan harfiah dari *عضوا عليها بالنواجذ*. Meskipun ungkapan ini berasal dari ucapan Rasulullah SAW, yang dapat dikelompokkan pada teks klasik, ternyata ianya termasuk di dalam kelompok idiom dalam bahasa Arab kontemporari (Saifullah 2010: 104). Fāyid (2007: 318) menerusi kamusnya *معجم التعبير الاصطلاحي في العربية المعاصرة* / ‘Kamus Idiom Bahasa Arab Kontemporari’ menyatakan ungkapan itu dijelaskan sebagai ‘berpegang teguh’.

### 3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif berorientasi analisis diskriptif dan tumpuan terhadap data-data yang dipilih secara rawak iaitu frasa idiomatik dan kolokasi Arab di dalam kamus. Data ditentukan berdasarkan pola struktur yang relevan untuk dibuat kajian dan menampakkan gambaran jelas mengenai perbezaan dan kesan semantik di dalam struktur kata. Perbincangan dan perbahasan dalam kajian ini ditentukan melalui penelitian dan pengesahan yang dibuat terhadap dua buah kamus bahasa Arab iaitu: معجم التعبير الاصطلاحي في العربية المعاصرة (Kamus Idiom Bahasa Arab Terkini) dan معجم الحافظ للمتصاحبات العربية (Kamus Kolokasi Arab Hafiz) digunakan sebagai panduan analisa dan rujukan utama. Namun begitu, kajian ini lebih merujuk kepada pandangan Ghazala (2004) mengenai struktur dan makna idiom -kolokasi. Untuk menampakkan kategori semantik, kajian menggunakan pendekatan pemaparan makna terjemahan dan struktur pola bagi setiap idiom dan kolokasi yang dipilih. Fenomena khusus mengenai struktur kolokasi - idiom diteliti dan dibincang berdasarkan pandangan Ghazala (2007) menerusi pemerhatian dan penganalisan bersistematik bagi sumber-sumber berkaitan. Data kajian pada peringkat awalnya dikenal pasti menerusi analisis kandungan di dalam sampel tersebut berdasarkan dua tumpuan utama iaitu struktur dan makna idiom - kolokasi. Data kajian kemudian dikumpul dan diteliti sebelum disenaraikan mengikut klasifikasi fenomena masing-masing secara teori dan aplikasi. Seterusnya data dipaparkan dan dibincang sebelum dibuat rumusan merangkumi pola struktur, persamaan dan perbezaan, semantik dan gaya bahasa.

#### 4. Analisis dan Perbincangan

Idiom adalah satu bentuk ucapan atau ungkapan yang khusus. Berdasarkan aspek tatabahasa, ia tidak boleh difahami elemen-elemen maknanya secara harfiah. Menurut Munir Ba'albaki (2002) idiom adalah عبارة ذات معنى لا يمكن أن يستمد من مجرد فهم معاني كلماتها منفصلة 'ungkapan yang mempunyai makna yang tidak boleh difahami secara kata-perkata'. Begitu juga aspek budaya memainkan peranan yang penting semasa mentafsir idiom. Dengan itu, hanya penterjemah atau pelajar yang mempunyai asas kukuh mengenai budaya bahasa sasaran sahaja berupaya memberikan erti yang tersirat. Oleh itu, proses menterjemah idiom memerlukan pengetahuan menjangkau rentas budaya bahasa kedua. Selain itu, perbezaan di antara bahasa sumber dan bahasa sasaran di samping variasi dalam budaya tersebut menjadikan proses penterjemahan satu cabaran sebenar. Idiom berbeza dengan kolokasi dari beberapa sudut pandangan semantik dan struktur oleh sarjana Arab. Berikut merupakan penganalisan data yang dijalankan ke atas sampel kajian iaitu: معجم التعبير الاصطلاحي في العربية المعاصرة (2003) yang digarap berdasar pandangan Ghazala (2007: 12). Menurutnya, kolokasi (*al mutalazimat al lafziyyat*) terbahagi kepada 17 jenis, antaranya struktur berikut:

##### 1- Struktur KN + KN

Makna Idiomatis	Harfiah	Struktur KN+KN		Contoh
الإنسان الطيب Pemuda yang baik	Anak lelaki tua	حلال	ابن	m/s 19 ابن حلال
كناية عن النساء Perumpamaan bagi wanita	Tangan lembut	الناعمة	الأيدى	m/s 75 الأيدى الناعمة
الجيل المتقدم Generasi yang maju	Generasi pertama	الأول	الرعي	m/s 99 الرعي الأول
التغلب عن مشكلة ما Menangani apa jua masalah	Pecahan halangan	حاجز	كسر	m/s 45 كسر حاجز

##### 2- Struktur KK + KN

Makna Idiomatis	Harfiah	Struktur KK+KN		Contoh
بث فيه الطمأنينة وأشعره بالرضا Menenang hatinya supaya redha	Menyejukkan dadanya	صدره	أتلج	m/s 22 أتلج صدره
ترك شيئاً ما ولم يعد يهتم به Meninggalkan sesuatu tanpa peduli	Membaling di belakangnya	خلفه	رمى	m/s 229 رمى خلفه
قوة الإغراء Mudah tergoda	Mengalir liurnya	لعابه	سال	m/s 301 سال لعابه

يحاول أن يجد عذرا Suka beralasan	Meraba alasan	الأعذار	يتلمس	m/s 570 يتلمس الأعذار
-------------------------------------	---------------	---------	-------	-----------------------

## 3- Struktur KS + KN

Makna Idiomatis	Harfiah	Struktur KS+KN		Contoh
للدلالة على قوة الإصرار والمواجهة لأمر ما Menandakan kekuatan dan keazaman menghadapi sesuatu	Atas mayatku	جتتي	على	m/s 377 على جتتي
بمشاعر قوية صادقة Benar-benar tulus	Dengan kepanasan	حرارة	بـ	m/s 163 بحرارة
في الجوهر والأساس Intipati dan asan	Di tengah-tengah	الصميم	في	m/s 415 في الصميم
للتعبير عن مشاعر الحب Menggambarkan cinta	Dari hati	القلب	من	m/s 517 من القلب

## 4- Struktur KK + KS

Makna Idiomatis	Harfiah	Struktur KK+KS		Contoh
مشارك في جريمة بنصيب كبير Terlibat jenayah besar	Terbabit dalam	في	ضالع	m/s 338 مضالع في
للدلالة على الخلاف Membelot	Berpecah atas	على	انشق	m/s 149 انشق على
للدلالة على السياسي غالباً Penggunaan biasa untuk politik	Berpecah dari	عن	انشق	m/s 149 انشق عن
يظهر فيه بقوة ووضوح Menunjukkan kekuatan	Memancarkan	بـ	ينضح	m/s 596 ينضح بـ

## 5- Struktur KK + KS + KN

Makna Idiomatis	Struktur KK+KS+KN			Contoh
يخدعه بالتأثير في مشاعره Menipu dan pengaruh perasaannya	عواطفه	بـ	يلعب	m/s 590 يلعب بعواطفه
للتعبير عن الصعوبة التي يواجهها في حياته Menggambarkan kesusahan hidup	الشوك	على	يمشي	m/s 593 يمشي على الشوك
للتعبير عن شدة الغيظ والغضب Terlalu marah	غيظه	بـ	يموت	m/s 595 يموت بغيظه
عدم الانتفاع بالعمل Perbuatan sia-sia	مالطه	في	يؤذن	m/s 598 يؤذن في مالطه

## 6- Struktur KN + KS + KN

Makna Idiomatis	Struktur KN+KS+KN			Contoh
الإتهام والعقاب بلا دليل ثابت Dakwaan & hukuman tanpa bukti kukuh	التشبهات	بـ	الأخذ	m/s 66 الأخذ بالتشبهات
ارتكاب فعل غير مشروع Perbuatan salah laku	الممنوع	في	الدخول	m/s 96 الدخول في ممنوع
يبتهز الفرصة ويبادر بالعمل Rebut peluang & berinisiatif untuk bekerja	الملعب	في	الكرة	m/s 124 الكرة في الملعب
بدون تفرقة Tanpa diskriminasi	سواء	بـ	سواء	m/s 312 سواء بسواء

## 7- Struktur KS + KN + KN



Makna Idiomatis	Struktur KS+KN+KN			Contoh
الدلالة على الانتباه والوعى <i>Menunjukkan kepekaan</i>	مفتوحة	عيون	بـ	m/s 171 مفتحون مفتوحة
الدلالة على انتزاع كسب <i>Merampas kemenangan</i>	الأسد	فم	من	m/s 521 من فم الأسد
للتعبير عن قرب زمان أو مكان حدث ما <i>Menyatakan masa atau tempat yang hampir dengan sesuatu peristiwa</i>	حجر	مرمى	على	m/s 384 على مرمى حجر
للتعبير عن الجماعات المعارضة <i>Menggambarkan kumpulan penentang</i>	الرفض	خندق	في	m/s 418 في خندق الرفض

#### 8- Struktur KK + KN + KN

Makna Idiomatis	Struktur KK+KN+KN			Contoh
يشير بأفعاله أو بكلامه يؤدي إلى الحرب <i>Tindakan/kata yang mencetus perang</i>	الحرب	طبول	يقرع	m/s 588 يقرع طبول الحرب
للدلالة على إقحام الآراء الشخصية في تفسير النص <i>Beri pendapat peribadi dalam tafsiran teks</i>	النصوص	عنق	يلوى	m/s 592 يلوى عنق النصوص
كناية عن الأعداء الكبيرة <i>Metafora untuk bilangan besar</i>	الشمس	عين	تسد	m/s 196 تسد عين الشمس
للدلالة على الإهمال والاستهانة <i>Kecuaianan dan pengabaian</i>	الحائط	عرض	ضرب	m/s 342 ضرب عرض الحائط

Merujuk kepada penganalisisan di atas, struktur membentuk makna idiomatik adalah melalui lapan frasa ayat yang pelbagai. Ghazala (2007) menyatakan bahawa struktur di atas antaranya [KS + KN], [KK + KS], [KK + KS + KN], [KN + KS + KN] dan [KS + KN + KN] merupakan struktur kolokasi Arab. Walaupun begitu, struktur tersebut jika diteliti memaparkan makna idiomatis yang memerlukan penelitian yang mendalam. Begitu juga struktur [KN + KN], [KK + KN] dan [KK + KN + KN] merupakan struktur kolokasi yang mengutarakan makna idiomatis, (Ghazala (2007: 11-12). Penterjemahan literal bagi frasa tersebut akan menyebabkan makna perkataan menyimpang jauh daripada makna asal dan tidak akan menampakkkan unsur idiomatis yang didokong oleh bahasa sumber. Demikianlah kebolehan mengenal pasti idiom Arab melalui struktur di atas perlu dikuasai merangkumi aspek budaya dan peraturan bahasa agar maknanya selari dengan kehendak penulis asal. Perbincangan seterusnya akan memperlihatkan satu fenomena bagaimana struktur kolokasi boleh membentuk struktur yang sama dengan idiom, tetapi mendokong jangkauan semantik yang berbeza.

#### Persamaan Dan Perbezaan Antara Idiom – Kolokasi

Di sini pengkaji mengutarakan analisis pemaparan makna struktur idiom dan kolokasi berdasarkan kamus idiom dan kolokasi Arab yang dijadikan sampel kajian. Analisis kajian ini dijalankan dengan merujuk kepada struktur kolokasi sebelum dibuat pemilihan struktur daripada sampel, (Ghazala (2004, 2007). Sebagai panduan, pengkaji menggunakan panduan **K** = kolokasi (*bersumberkan kamus kolokasi*), dan **I** = Idiom (*bersumberkan kamus idiom*). Adapun bahagian jangkauan semantik merujuk kepada makna leksikal (terjemahan perkataan) dan makna idiomatik (terjemahan idiom).

Jangkauan semantik	Maksud	Kump	Struktur	m/s	CONTOH 1
Makna Leksikal	Penghabisan makanan	K	KN+KN ( <i>adjektif</i> ) (المركب الوصفي)	46	التهيم الطعام
Makna Idiomatik	Roh	I	KN+KN ( <i>adjektif</i> ) (المركب الوصفي)	102	السر الإلهي

Jangkauan semantik	Maksud	Kump	Struktur	m/s	CONTOH 2
Makna Leksikal	<i>Imunisasi badan</i>	K	KN+KN ( <i>frasa idafah</i> ) (المركب الإضافي)	338	مناعة الجسم
Makna Idiomatik	<i>Doktor dan jururawat</i>	I	KN+KN ( <i>frasa idafah</i> ) (المركب الإضافي)	514	ملائكة الرحمة

Jangkauan semantik	Maksud	Kump	Struktur	m/s	CONTOH 3
Makna Leksikal	<i>Lari daripada perang</i>	K	KK+KS+KN (المركب الفعلي وشبه الجملة)	359	هرب من الجندية
Makna Idiomatik	<i>Usaha yang sia-sia</i>	I	KK+KS+KN (المركب الفعلي وشبه الجملة)	574	يحرث في البحر

Jangkauan semantik	Maksud	Kump	Struktur	m/s	CONTOH 4
Makna Leksikal	<i>Traffik berhenti</i>	K	KK+KN ( <i>frasa kerja</i> ) (المركب الفعلي)	81	تعطل السير
Makna Idiomatik	<i>Mengimbau kesusahan yang terdahulu</i>	I	KK+KN ( <i>frasa kerja</i> ) (المركب الفعلي)	585	يفتح الجروح

Jangkauan semantik	Maksud	Kump	Struktur	m/s	CONTOH 5
Makna Leksikal	<i>Susah dalam pembelajaran</i>	K	KN+KS+KN (المركب الاسمي) [مبتدأ + خبر]	207	صعوبة في التعلم
Makna Idiomatik	<i>Munafik dan hipokrit dalam politik</i>	I	KN+KS+KN (المركب الاسمي) [مبتدأ + خبر]	99	الرقص على الجبال

Jangkauan semantik	Maksud	Kump	Struktur	m/s	CONTOH 6
Makna Leksikal	<i>Pada jalan Allah</i>	K	KS+KN+KN (المركب العباري) [شبه الجملة]	267	في سبيل الله
Makna Idiomatik	<i>Sedia Bermusafir</i>	I	KS+KN+KN (المركب العباري) [شبه الجملة]	381	على جناح السفر

Berdasarkan penelitian di atas, idiom mempunyai persamaan dengan kolokasi dari segi struktur, akan tetapi terserlah perbezaan dari sudut jangkauan semantik, di mana idiom lebih menunjukkan makna tersendiri berbanding kolokasi yang lebih pada semantik asas. Selaras dengan pandangan Balsam (2010: 42) yang menyatakan bahawa struktur kolokasi merupakan kombinasi item leksikal yang maknanya boleh disimpulkan dari pengertian kata, dan bukan bagi struktur idiom. Berdasarkan penelitian, perbezaan utama antara kolokasi dan idiom boleh diperincikan melalui jangkauan semantik di mana idiom mengutarakan unsur semantik yang lebih meluas, tidak terhad, bergantung pada budaya dan ungkapan khusus, manakala kolokasi lebih kepada semantik leksikal menerusi kombinasi yang lazim digunakan, terbatas, dan mudah difahami.

Ghazala (2007) pula berpendapat struktur kolokasi tidak hanya memaparkan makna kolokasi *collocation meaning* semata-mata, sebaliknya ianya berupaya mendatangkan makna idiomatik *idiomatic meaning*. Hal ini kerana, struktur kolokasi yang diutarakan oleh Ghazala (*ibid*) dilihat lebih meluas dan praktikal. Dari sudut lain,

kolokasi dan idiom mempunyai unsur semantik dan sintagmatik antara leksikal, akan tetapi jangkauan makna merupakan titik tolak perbezaan antara kedua-duanya.

### Idiom, Ungkapan Dan Ekspresi Idiomatik: Figuratif

Analisis daripada sampel kajian juga mendapati bahawa terdapat struktur idiom yang terdiri daripada satu kata, contohnya: *منعطف* yang bererti 'suatu tempat yang penting', adapun asal perkataan tersebut menjurus kepada perkara yang berlaku di suatu lembah, di mana wujud jalan yang boleh dilalui sebagai kemudahan sebelum bergerak ke tempat lain (Muhammad Muhammad Daud 2003: 256), begitu juga perkataan *نجم* yang bermaksud 'seseorang yang mempunyai tempat dan kedudukan dalam pelbagai bidang' (Ibid 532), serta perkataan *مأزق* yang memberi makna 'situasi yang getir', asal perkataan tersebut merujuk kepada tempat sempit yang berlaku pembunuhan, kemudian dipinjam untuk menunjukkan kesempitan hidup dan kesulitan tertentu (Ibid 485). Di samping itu terdapat juga struktur yang membentuk ungkapan peribahasa, contohnya: *من شابه أباة فما ظلم* 'suatu tindakan oleh seorang anak yang menyerupai tindakan ayahnya' (Ibid 520). Peribahasa Arab tersebut boleh disamakan penggunaan dengan peribahasa Melayu sebagai 'bapa borik anak rintik'. Begitu juga ungkapan perumpamaan, seperti: *كلام الليل يحوه النهار* yang digunakan untuk menunjukkan perumpamaan mengenai 'seseorang yang berjanji dan tidak mengotakannya' (Ibid 452), dan *كان على رؤوسهم الطير* mengumpamakan 'seseorang yang begitu tenang dan memberi tumpuan terhadap pembicara' (Ibid 445). Wujud juga ungkapan berbentuk kiasan, contohnya: *لا في العير ولا في النفير* sebagai kiasan bagi sesuatu/seseorang yang 'tiada kepentingan' (Ibid 461). Terdapat juga ekspresi idiomatik yang memberikan makna khusus, contohnya: *لا طائل من ورائه* yang bermaksud 'tidak berfaedah' (Ibid 461) dan *لا غبار عليه* 'tiada kecacatan' (Ibid 462) serta *دفع دم قلبه* 'mengorbankan semua harta benda yang dimiliki' (Ibid 268). Demikianlah konteks bagi struktur idiom mengutarakan kategori pragmatik dan semantik yang pelbagai termasuk pembentukan ungkapan dan ekspresi tertentu.

Bagi kategori peribahasa, pendekatan 'pemadanan peribahasa' boleh dibuat untuk menampakkan gambaran semantik dan komunkatif yang didokong, walaupun konteks budaya yang berbeza. Qatamisy (1988: 11) menjelaskan peribahasa (*al-mathal*) bermaksud 'kata-kata yang ringkas padat yang meniti di bibir, betul maknanya, dan keadaan semasa menyerupai keadaan dahulu'. Menurut Qatamisy (1988) melalui penulisan Mohd Zaki, Ahmad Arifin & Maheram (2003), peribahasa boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, *al-Mathal al-mujaz*: ialah peribahasa yang mengandungi kata-kata yang ringkas padat, selalu disebut orang dan mengandungi makna yang betul, serta keadaan semasa ia diperkenalkan adalah sama dengan peristiwa yang berlaku (punca yang menyebabkan ia diperkenalkan), contohnya: *النساء حيائل الشيطان* 'wanita itu jerat syaitan', yang kedua *al-Mathal al-qiyasyi*: ialah peribahasa berbentuk cerita atau kisah yang selalu disebut untuk menerangkan sesuatu perkara, yang menjadi bukti kepada sesuatu perkara. Ia terhasil melalui perbandingan atau perumpamaan yang didasari oleh perbandingan dan qiyas, contohnya: *إن من البيان لسحرا* 'ungkapan yang indah boleh memukau', manakala yang ketiga *al-Mathal al-khurafiy*, iaitu peribahasa yang dibuat mengikut bahasa binatang, atau ia dibina berdasarkan cerita-cerita khurafat yang tersebar luas di sekeliling masyarakat. Binatang itu dijadikan seperti manusia, boleh bercakap dan boleh melakukan sesuatu perbuatan. Peribahasa ini dicipta untuk hiburan, lawak jenaka, atau untuk mendorong manusia berkelakuan baik, contohnya: *البيداء أظلم* 'orang yang memulakan lebih zalim'. Manakala peribahasa Melayu terbahagi kepada empat jenis, iaitu perumpamaan, simpulan bahasa, bidalan dan pepatah (Ab. Rahman Ab. Rashid et. al 2000: 69).

Berdasarkan penelitian, terdapat peribahasa Arab yang mempunyai padanan dengan peribahasa Melayu, contohnya peribahasa Arab: *من الحبة تنشأ الشجرة* 'daripada benih tumbuh pokok' boleh dipadankan dengan peribahasa Melayu: 'sedikit, sedikit lama-lama jadi bukit', contoh berikutnya: *لا يضر السحاب نباح الكلاب* 'anjing menyalak bukit takkan runtuh' (Arnida, Sulhah, Zainur Rijal 2012: 4). Begitu juga peribahasa Arab *كما تدين تدان* 'sepertimana kamu membalas kamu juga akan dibalas' (Muhammad Muhammad Daud 2003: 456) yang boleh dipadankan dengan peribahasa Melayu: 'buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali'.

### Implikasi Kajian

Kajian ini memberi sumbangan praktis dalam bidang terjemahan dan leksikografi Arab-Melayu berkisar pada fenomena struktur dan makna kolokasi-idiom. Kajian telah memperlihatkan analisis perbezaan antara item kata yang

pelbagai *multi word item* bahasa Arab dan Melayu dengan menunjukkan bentuk makna bagi struktur idiom dan kolokasi. Kajian juga memaparkan fenomena yang menunjukkan pola bagi kedua-dua kombinasi boleh memberikan kekeliruan dan kesukaran dalam proses terjemahan khususnya dan proses pembelajaran amnya. Perbincangan yang dijalankan membolehkan kajian membentuk satu garis panduan untuk memahami pengklasifikasian struktur antara idiom dan kolokasi disamping penelitian terhadap jangkauan pola semantik. Dari sudut perspektif, kajian telah memaparkan bagaimana sarjana linguistik menetapkan perbezaan dan persamaan antara struktur idiom-kolokasi berdasarkan hujah yang digunakan masing-masing.

#### 4. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini telah membuat satu rangkuman penting hasil daripada penelitian dan perbahasan yang telah dijalankan, antaranya: Dalam konteks terjemahan Arab-Melayu, struktur kolokasi Arab dibina dengan kombinasi leksikal yang lazim maknanya, boleh difahami melalui makna literal, tidak terikat dengan implisit tatabahasa dan boleh membuat perubahan pada makna perkataan, manakala struktur idiom Arab didefinisi sebagai ungkapan tersendiri, mendokong unsur idiomatis / figuratif / budaya, maknanya tidak difahami dari struktur asal perkataan, dan kombinasinya tidak boleh diubah dengan pendekatan sinonim bahasa Melayu.

Garisan antara idiom dan kolokasi Arab berdasarkan perspektif linguistik menunjukkan bahawa, persamaan utama di antara keduanya adalah pola struktur, seperti KN+KN (*adjektif*), KN+KN (*frasa idafah*), KK+KS+KN (*المركب الفعلي وشبه الجملة*), KK+KN (*frasa kerja*), KN+KS+KN (*المركب الاسمي*), dan KS+KN+KN (*المركب العباري*). Manakala perbezaannya ialah had jangkauan pembentukan semantik dan pola leksikal sesuatu struktur kata. Kajian mendapati unsur kontekstual dan jangkauan semantik sesuatu struktur merupakan kayu ukur pembentukan makna idiom-kolokasi. Kolokasi boleh membentuk makna idiomatis melalui struktur yang mendokong makna idiomatik-figuratif dan ungkapan khusus, ( Ghazala (2007). Penterjemahan ke dalam bahasa Melayu mestilah selari dengan konteks asal sesebuah idiom Arab apabila unsur-unsur tertentu perlu diteliti dan difahami dengan jelas, sebelum memulakan proses pengalihan bahasa.

Permasalahan yang dikenal pasti melibatkan idiom-kolokasi dalam aspek terjemahan Arab-Melayu terbahagi kepada permasalahan mengenal pasti budaya Arab dan permasalahan menentukan pemilihan leksikal antara idiomatis dan kelaziman. Permasalahan tersebut boleh disempurnakan dengan membezakan unsur yang didokong merangkumi konteks ungkapan, unsur gaya bahasa figuratif dan ekspresi idiomatik. Bantuan kamus idiom Arab-Melayu merupakan asas untuk lebih memahami definisi, klasifikasi dan pemahaman yang lebih meluas.

Sesetengah idiom Arab dianggap sebagai satu kelas figuratif yang terbentuk melalui struktur kolokasi yang tidak boleh difahami secara literal. Berdasarkan penelitian, idiom terbahagi kepada idiom biasa dan idiom khusus dari segi struktur dan makna. Adapun kolokasi secara umumnya dikategori kepada kolokasi tatabahasa dan leksikal. Kolokasi tatabahasa berbentuk iringan preposisi, di mana preposisi digunakan bersama kata nama, kata kerja atau adjektif. Manakala kolokasi leksikal adalah kombinasi lazim antara perkataan. .

Frasa kerja Arab + kata sendi nama merupakan pola kolokasi kata kerja yang boleh membentuk pelbagai makna idiom (lihat Ghazala (2007). Peraturan bahasa Arab melalui struktur tersebut membolehkan unsur idiomatik dibentuk menjangkau makna perkataan asal, malah boleh berupa makna berlawanan di dalam bahasa Melayu. Salah satu masalah utama penterjemahan idiom adalah jurang antara bahasa, iaitu variasi budaya dan konteks penggunaan. Semakin besar jurang antara bahasa Arab dan bahasa Melayu, semakin sukar pemindahan mesej atau kandungan yang akan dijalankan. Dengan demikian, proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab-Melayu melalui pendekatan struktur dan makna kolokasi dan idiom ternyata memberi pengalaman yang mudah difahami. Fenomena linguistik, seperti pembentukan kata antara struktur kolokasi dan idiom membolehkan para pelajar dan pengajar bahasa Arab menambah glosari terminologi dan leksikal di samping pemahaman yang mendalam tentang leksikografi Arab, yang merupakan asas bagi sesuatu bahasa. Pengklasifikasian struktur dan makna idiom-kolokasi Arab secara teori dan aplikasi di dalam kajian ini berdasarkan contoh-contoh yang dikemukakan diharap berupaya menjadikannya asas kepada para pelajar untuk lebih mendekati bahasa dan budaya Arab secara umum, dan melibatkan diri dalam aspek terjemahan Arab-Melayu secara khusus.

#### Rujukan

- Abdou, A. (2009) Arabic Idioms: A Corpus-based Study. Ph.D dissertation. University of Manchester.  
 Abu al Āzm, Ābd al- Ghāni. (2006). *Māfhum al-Muʿalazimāt wa ʾiṣṣḥāliyyāt al-ʾiṣṥḥāl al-Mūkjāmīyī fi al-Dirāsāt al-Mūkjāmīyyāt*. Āḍad khāmis, Mānshurat al-Jamīyyat al-Maghribīyyat li al-Dirāsāt al-Mūkjāmīyyat, Rabat: Maghrib, pg 33.

- Arnida Abu Bakar, Sulhah Ramli, Zainur Rijal Abdul Razak. 2012. Ketepatan Padanan Peribahasa Arab-Melayu: Semantik Atau Komunikatif? *Proceeding Language And Education Conference*, Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, 21-22 November 2012.
- Al Sughair, Yusra. (2007). The Translation Of Lexical Collocations In Literary Texts. Master Thesis. College of Arts and Sciences, University of Sharjah. UAE.
- Arba'ayah Abdul Rahman. 2006. Kepingarangan Peribahasa Melayu. Tesis, ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Zahrani, M. (1998). Knowledge of English Lexical Collocations among Male Saudi Students Majoring in English at a Saudi University. Unpublished PhD Thesis, Indiana University of Pennsylvania, Pennsylvania.
- Ab. Rahman Ab. Rashid, Harun Jaafar, Mohd. Rosli Saludin, & Talib Samat. (2000). Kamus Sastera Melayu terkini. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Abu sa'ad, A. (1987). *Mūkjām al-tarākīb wa al-ibārāt al- istilāhiyya al- āmiyya al-qadīm*. Language and Linguistics. Vol. III. Leiden: Brill, pp. 628-634.
- Abu sa'ad, A. (1987) *Mūkjām al-tarākīb wa al-ibārāt al- istilāhiyya al- āmiyya al-qadīm minhā wa al-mūwallād*. Bayrūt. Dār al-ilm l"al-malāyīn.
- Alnaser, Mohammad. (2010). Multi-word Items in Dictionaries from a Translator's Perspective. Thesis of PhD. Durham University.
- Abu Zālāl, A. (2007). *al-Ta ābir al- istilāhiyya baynā al-nāzariyya wa al-tatbīq*. Al-Qāhira. Ajyāl khidmāt al-taswīq wa al-nāshr.
- Awwad, M. 1990. Equivalence and Translatability of English and Arabic Idioms, *Papers and Studies in Contrastive Linguistics*, 26, pp. 57-67.
- Ba'albaki, Munir. (2002). Al- Māwrid. Bairut. Dar El-Ilm Lil-Malayin.
- Bader S. Dweik & Mariam M. Abu Shakra. 2011. Problems in Translating Collocations in Religious Texts from Arabic into English. *The Linguistics Journal*. Volume 5 Issue 1 June 2011.
- Bahns, J. 1993. Lexical Collocations: a Contrastive View. *ELTJ*, 47(1), 56-63.
- Baker, M. (1997). In Other Words: A Course Book. London: Routledge.
- Baker, M. (1992). In Other Words. London: Routledge.
- Balsam A Mustafa. 2010. Collocation in English and Arabic: A Linguistic and Cultural Analysis. *Majallah kulīyyah Al-tārbiyyah Al-islamīyyah*, 'adad 95.
- Blau, J. (1981). The Renaissance of Modern Hebrew and Modern Standard Arabic: Parallels and Differences in the Revival of Two Semitic Languages. Berkeley, Los Angeles, and London: University of California Press.
- Bolinger, D. 1976. Meaning and Memory. *Forum Linguisticum*, 1(1), 1-14.
- Brashi A, S. (2005). Arabic Collocations: Implications For Translation, Thesis of PhD, University of Western Sydney.
- Daud, N., Dollah, N., & Zubir, B. (2003). Linguistics Dictionary: English-Arabic Arabic- English. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Emery, P. (1988). Body-part Collocations and Idioms in Arabic and English: A Contrastive Study. Unpublished PhD, University of Manchester, Manchester.
- Emery, P. 1991. Collocation in Modern Standard Arabic. *Journal of Arabic Linguistics*, 23(1), 56-65.
- Fāyid, Wafa' Kamil. (2007) *Mū'jam al-Ta'ābir al-Istilāhiyyat fi al-'Arabīyyat al-Mu'asirat: 'Arabiy – 'Arabiy*. Kaherah: Jami'at al-Qahirat.
- Fontenelle, T. (1994). What on Earth are Collocations? *English Today*, 10 (4), 42-48.
- Ghazala, Hasan. (2008). Translation as a Problem and Solution, Beirut: Dar El Ilm Lilmalayin.
- Ghazala, Hasan. 1993. Translating Collocations: Arabic-English (in Arb). *Turjuman*, 2 (1), pg: 744.
- Ghazala, Hasan. (2011). Cognitive Stylistics and the Translator, London: Sayyab Books.
- Ghazala, Hasan. (2007). *Dar el-ilm's dictionary of collocations*. Lebanon: Dar el-ilm lelmalayēn.
- Ghazala, Hasan. 2003. Idiomaticity Between Evasion and Invasion in Translation: Stylistic, Aesthetic and connotative Considerations. *Babel*, 49 (3), 203-227.
- Ghazala, Hasan. (2004) Essays in Translation and Stylistics. Beirut: Dar El-Ilm Lilmalayin.
- Hafiz, A. 2002. 'Throw a Party' with Collocations: The Need for an Arabic Combinatory Dictionary. *International Journal of Arabic-English Studies (IJAES)*, 3(1-2), 1-15.
- Hafiz, Tāhir Ābd al-Sālam. (2004). *Mūkjām al-Hafiz li-al Mutāsahibāt al-Ārabīyyāt*, Maktabah Lubnan Nashirūn: Lubnan.
- Hatīm, B., & Mason, I. (1997). Translator as Communicator. London: Routledge.
- Heliel, M. H. (1994). Verb-Particle Combinations in English and Arabic: Problems for Arab Lexicographers and Translators. In R. De Beaugrand, A. Shunnaq & M. H. Heliel (Eds.), *Language, Discourse and Translation in the West and Middle East*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Hoogland, J. 1993. Collocations in Arabic (MSA) and the Treatment of Collocations in Arabic Dictionaries. *The Arabist: Budapest Studies in Arabic*, 6-7(1), 75-93.
- Husamaddin, K. (1985). Idiomatic Expressions (in Arabic). Cairo: Maktabat Al-Anjilu Al-Masriyah.
- Kamalie, Saifullah. (2010). Masalah Penterjemahan Kolokasi Bahasa Arab Ke Bahasa Melayu: Satu Kajian Teks Tafsir. Tesis PhD. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Longman. (1995). Dictionary Of The English Language. London. Brest Britain.
- Mir, Mustansir. (1989) Verbal Idioms of The Qur'an. Ann Arbor: Center for Near Eastern and North African Studies, The University of Michigan. P. 5.
- Mitchell, T. 1971. Linguistic 'Goings on': Collocations and other Lexical Matters Arising on the Syntagmatic Record. *Archivum Linguisticum*, 2(1), 35-69.
- Mohd. Zaki Bin Abdul Rahman, Ahmad Arifin Bin Sapar, Maheram Ahmad. 2003. Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Arab-Melayu Terhadap Teks "Kasih dan Harapan", *The Online Journal of Islamic Education*, June 2013, Vol. 1 Issue 2.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, Pabiyah Hajimaming & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 'Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu'. *Jurnal Linguistik* Vol. 18(2) Desember.2014 (067-078)
- Muhammad Muhammad Daud. (2003). *Mūkjām al-Ta'ābir al-Istilāhi fi al-Ārabīyyāt al-Mūasārah*. Dar ghārib li al-Tiba'ah wa al-Nāsyir: Kaherah.

- Muhammad Bukhari Lubis. (2007). Frasa idiomatik Arab dan ertinya, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muna Ahmad Al-Shawi & Tengku Sepora Tengku Mahadi. 2012. Strategies for Translating Idioms from Arabic into English and Vice Versa, AMARABAC, *Journal of American Arabic Academy for Sciences and Technology*, Volume 3, Number 6, (2012), PP. 139-147
- Najib, A. M. (2001). *Ūsus al-tārjamah* (in Arabic) (Fourth ed.). Ciara: Maktabat ibn sinaa li al-tiba'a wa-alnashr wa- al tasadir.
- Noresah bt. Baharom et al. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qatamisy, Abd al-Majid. (1988). *al-Amthāl al-Ārabiyyāt*: Dirasat Tarikhiyyat Tahliliyyat. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Shakir, A., & Farghal, M. (1992). Collocations as an Index of L2 Competence in Arabic- English Simultaneous Interpreting & Translation. FIT-newsletter, 11(3), 227-245.
- Shakkour, J. (1992). Kitāb al-bayān (in Arabic). Beirut: Daar al-fikr al-lubnani.
- Shivtiel, A. 2007. Phraseology in Versteegh, K. et al. (eds.) *Encyclopaedia of Arabic Language and Linguistics*. Vol. III. Leiden: Brill, pp. 628-634
- Sīnī, Muhammad Ismail. 1985. Dalilul Mutarjim. Riyadh. Dar El-ulum
- Sīnī, M, Husayn, M. and al-Dūš, S. (1996). *Al-Mūkjām al-Siyāqi lil-ta' birat al- istilahiiyya*: Arabiyy- Arabiyy. Bayrūt: Maktabat Lubnān nāširūn.
- Smith, L. (1947). Words and Idioms: Studies in the English Language (6th ed.). London: Constable and Company Limited.
- Za'ba. 1965. Ilmu Mengarang Melayu: Bagi Penggunaan Guru-Guru dan Murid-murid Darjah Tinggi di Sekolah Menengah dan Penuntut-penuntut di Maktab Latihan Guru / dikarang Oleh Za'ba. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainur Rijal B. Abdul Razak & Mahmoud Mohammed Ali. (2014). Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* , Vol.18 (1) Jun 2014, (035-047).